

D69D

U B434 AAB

SAGA-PM

ALOR SETAR, 27 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN HARGA KERETA NASIONAL - PROTON SAGA SEBAGAI MURAH DAN MENGGALAKKAN.

KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN UCAPAN HARI RAYA AIDIL ADHA KEPADA PERHIMPUNAN DI BUKIT RAYA DALAM, 30 KM DARI SINI, HARGA KERETA ITU YANG DIUMUMKAN OLEH PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) MERUPAKAN HARGA YANG MURAH DAN MUNASABAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG PADA MULANYA BERKATA BELIAU BELUM MENGETAHUI HARGANYA, KEMUDIAN KELIHATAN GEMBIRA APABILA PEMBERITA-PEMBERITA MENYEBUTKAN HARGANYA SEPERTI YANG DIUMUMKAN OLEH PENERUSI HICOM, TAN SRI JAMIL JAN.

PERDANA MENTERI BERKATA 7,600 BUAH PROTON SAGA AKAN DIKELUARKAN MENJELANG AKHIR TAHUN INI.

KATANYA MENGIKUT PERANCANGAN, JUMLAH ITU AKAN DIPERTINGKATKAN KEPADA 40,000 TAHUN DEPAN.

BELIAU MENASIHATI ORANG RAMAI SUPAYA BERSABAR JIKA MEREKA TIDAK DAPAT MEMBELI ATAU MENEMPAH KERETA NASIONAL ITU DENGAN SEGERA.

KATANYA BELIAU TIDAK TAHU SAMADA PAMERAN AKAN DIADAKAN DI LUAR NEGERI UNTUK MEMPERKENALKAN PROTON SAGA DALAM USAHA HENDAK MENDAPAT PASARAN YANG LEBIH LUAS. -- LAGI.

1651MST 27 08 85

SAGA - PM 2 ALOR SETAR

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA PAMERAN DALAM NEGERI MUNGKIN DIADAKAN BAGI MEMPERKENALKAN DAN MEMPOPULARKAN KERETA NASIONAL KEPADA RAKYAT TEMPATAN.

+TERPULANGLAH KEPADA PENGURUSAN DAN HICOM MELAKUKAN APA YANG DIANGGAP BAIK BAGI PEMASARANNYA, + KATANYA SAMBIL KETAWA.

MENGENAI SYOR PENERUSI BERJAYA BAHAGIAN LABUAN, SABAH, SENATOR HAJI MOHAMED DIN JAFFAR SUPAYA UMNO MENANGGUHKAH CADANGANNYA HENDAK MEMBUKA CAWANGAN DI PULAU ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM LAGI MENERIMA LAPORANNYA.

+SAYA TIDAK DAPAT MEMBUAT KOMEN SEMATA-MATA BERASASKAN LAPORAN AKHBAR-AKHBAR. SAYA BELUM LIHAT KENYATAAN ITU DENGAN SEBENARNYA, + KATANYA.

SENATOR HAJI MOHAMED DIN DALAM KENYATAANNYA HARI INI MEMINTA UMNO MENANGGUHKAH PEMBUKAAN CAWANGAN DI LABUAN SEKURANG-KURANGNYA SELEPAS PILIHANRAYA KECIL KAWASAN PARLIMEN ULU PADAS YANG DIKOSONGKAN OLEH BEKAS KETUA MENTERI, DATUK HARRIS SALLEH.

SENATOR ITU BERKATA PEMBUKAAN UMNO DI PULAU ITU AKAN MENJEJASKAN KEDUDUKAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA KECIL ITU KERANA IA MUNGKIN MENJEJASKAN PERPADUAN ORANG MELAYU SABAH DAN SIKAP ANTI-KERAJAAN PERSUKUTUAN MASIH MENULAR EKORAN PILIHAN RAYA NEGERI APRIL LALU. -- BERNAMA.

1801MST 27 08 85